

Buat kajian dengan Ko-Nelayan tingkat pendapatan golongan terlibat

UMS bantu nelayan wanita Sabah

UM 15.11.2012 22

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

utusanabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 14 Nov. - Satu kajian bagi meningkatkan taraf sosioekonomi golongan wanita di negeri ini akan dijalankan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Koperasi Nelayan (Ko-Nelayan).

Ketua kumpulan kajian itu, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, 'Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah' itu akan mengambil

masa selama setahun tiga bulan.

Menurutnya, kajian komprehensif itu yang bermula bulan ini dilihat mampu memberi manfaat kepada golongan wanita yang terlibat dalam industri perikanan apabila berusaha mengenal pasti kaedah yang boleh digunakan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan tersebut.

Katanya, kerjasama dengan Ko-Nelayan itu juga diharap dapat memberi impak kepada industri hiliran berasaskan perikanan termasuk golongan nelayan.

"Menerusi kajian ini, UMS akan membina pangkalan data bagi membantu nelayan tempatan meningkatkan taraf sosioekonomi golongan wanita di negeri ini," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah dengan Ko-Nelayan yang turut dihadiri Pengurus Besar Ko-Nelayan, Datuk Masood Salleh.

Ismail berkata, daripada sebanyak 14,260 nelayan tradisional

berstatus warganegara tahun lalu sebanyak 20 peratus daripadanya adalah golongan wanita.

Sehubungan itu katanya, kajian seumpama itu dilihat penting dalam membantu golongan nelayan wanita meningkatkan pendapatan bagi menyara keluarga.

Sementara itu, Masood berkata, kerjasama dengan UMS dalam bidang kajian telah lama berlangsung dan terbukti menerusi program Banci Nelayan Artisanal (Nelayan Tradisional) dan Laporan Program

Banci Nelayan Artisanal yang siap sepenuhnya pada Disember 2011.

Katanya, salah satu hasil daripada kajian tersebut adalah saranan supaya kerajaan meningkatkan usaha membantu nelayan-nelayan wanita yang berkecimpung dalam industri hiliran berasaskan perikanan.

"Dengan adanya kajian seumpama ini yang khusus kepada golongan nelayan wanita diharap dapat memberi manfaat terhadap kumpulan itu yang terlibat dalam industri perikanan di negeri ini," katanya.